



## **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 TAHUN 2004**

### **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

#### **GALAKAN MEMAKAI PAKAIAN BATIK OLEH PEGAWAI AWAM**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Jabatan dan Agensi  
Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Ketua Unit

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kepada Semua Ketua Jabatan, Ketua Agensi, Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit mengenai keputusan Kerajaan untuk menggalakkan pegawai awam supaya memakai pakaian batik sebagai sebahagian pakaian rasmi semasa kerja.
2. Keputusan ini adalah selaras dengan kedudukan batik yang merupakan warisan negara yang perlu dikekalkan sebagai identiti Malaysia. Di samping itu, penggunaannya akan dapat memajukan lagi industri batik tempatan dan mempromosikan batik Malaysia.
3. Sehubungan dengan itu, Ketua-ketua Jabatan / Agensi / Bahagian / Unit adalah diminta menggalakkan pegawai di bawah seliaan supaya dapat memakai pakaian batik pada hari-hari berikut:
  - a) Hari Sabtu Bekerja;
  - b) Majlis Bersama kumpulan sasar;
4. Perlu ditegaskan bahawa pakaian batik yang dimaksudkan ialah batik buatan Malaysia. Bagi pegawai lelaki, mereka hendaklah memakai baju batik berlejang panjang dan berkolar, manakala bagi pegawai wanita pula mereka boleh memakai pakaian batik yang bersesuaian. Surat Pekeliling JPA(S)TT.193/37/Jld.4 bertarikh 16 Disember 2003 dikembarkan bersama-sama ini untuk makluman.
5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, connected strokes. The signature is centered below the motto and above the name.

**( DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID )**

***Tarikh : 10 JANUARI 2004***